

RM-8 basmi kemiskinan hingga memajukan ICT

Pembangunan menyeluruh

OH 24 APR 2001

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin – Pendidikan, perumahan serta pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadi tumpuan utama Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), yang dilancarkan hari ini.

Turut diberi perhatian dalam rancangan pembangunan bagi tempoh 2001-2005 bertemakan 'pertumbuhan ekonomi mapan dan berdaya tahan' itu ialah sektor kesihatan dan usaha meningkatkan penyertaan cergas wanita dalam pembangunan.

Kerajaan juga akan meningkatkan usaha memastikan golongan miskin dan berpendapatan rendah, mendapat manfaat sepenuhnya selain menyediakan kemudahan awam yang lebih bermutu.

**DAPATKAN
KELUARAN KHAS
LAPORAN RM-8
DALAM
BERITA HARIAN
HARI INI**



**Ucapan penuh
Perdana Menteri
ketika membentangkan RM-8 dalam
www.bharian.com.my**

**Cubaan gagalkan RM-8 tidak
akan berjaya: PM – Muka 2**

**Ulasan orang ramai, pemimpin
– Muka 5, 6**

Ketika membentangkan RM-8 di Dewan Rakyat hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pendekatan rancangan lima tahun itu diubah daripada strategi yang didorong oleh input, kepada strategi berasaskan pengetahuan sebagai teras utama.

Perdana Menteri berkata, dua lagi teras RM-8 ialah mempercepatkan perubahan struktur sektor ekonomi dan memperkukuhkan kestabilan sosioekonomi.

Tiga teras itu akan mengukuhkan penekanan teras Dasar Wawasan Negara (DWN) yang

terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) yang dilancarkan 3 April lalu.

Matlamatnya ialah meningkatkan potensi pertumbuhan keluaran, mempercepatkan perubahan struktur sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan serta memperkukuhkan kestabilan sosioekonomi menerusi pengagihan pendapatan dan kekayaan negara secara saksama.

"Dalam usaha mengejar pembangunan

ekonomi, kerajaan merangka strategi bagi memperkukuhkan nilai moral dan etika di kalangan rakyat selain memastikan masyarakat berdaya tahan bagi menghadapi pengaruh negatif yang mungkin merosakkan moral serta menjejaskan keharmonian dan toleransi.

"Semua rakyat akan diberi peluang dan kesempatan yang sama untuk meningkatkan kualiti hidup dan menyertai ekonomi bera-

saskan pengetahuan atau k-ekonomi," kata Dr Mahathir.

Antara agenda penting RM-8 ialah meningkatkan daya tahan Bumiputera bagi membolehkan mereka mengekalkan pemilikan ekuiti korporat dan tidak terdorong untuk melepaskannya bagi keuntungan jangka pendek atau ketika negara mengalami kemerosotan.

Bagi penyusunan semula guna tenaga, lang-

kah akan diambil untuk memperbaiki imbang guna tenaga Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam sektor awam dan swasta, termasuk penyertaan bukan Bumiputera dalam pasukan polis, tentera dan bidang pendidikan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan menggalakkan pembelajaran sepanjang

LIHAT MUKA 6

Fasa pertama pelaksanaan RRJP3

DARI MUKA 1

hayat melalui penggunaan teknologi maklumat (IT) seperti pembelajaran jarak jauh dan menerusi laman web serta penubuhan kolej komuniti di seluruh negara.

"Cabaran utama kita dalam tempoh RM-8 ialah melaksanakan DWN untuk memperkukuhkan keupayaan, kebolehan dan keazaman negara bagi menghadapi cabaran masa depan. Pada masa yang sama, kita tidak harus lupa bahawa pembangunan sosioekonomi mempunyai matlamat penting iaitu perpaduan negara.

"Selaras dengan matlamat, tema RM-8 adalah mencapai pertumbuhan mapan yang berdaya tahan," katanya dalam ucapan selama kira-kira 90 minit.

Berbanding ketika pembentangan RRJP3 yang lewat 15 minit kerana percubaan pembangkang untuk menangkalkan pembentangan, ucapan Perdana Menteri hari ini kurang mendapat gandingan.

Gangguan kali ini cuma ketika Dr Mahathir hendak bangun memulakan ucapan apabila Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu), menggunakan Peraturan Mesyuarat 37(1) bagi mempersoalkan tujuan Perdana Menteri membentangkan RM-8 itu.

"Adakah pembentangan oleh Perdana Menteri itu relevan dalam keadaan ekonomi yang meleset sekarang ini. Menteri Kewangan pun ambil cuti," katanya.

Dr Mahathir, yang diminta Timbalan Speaker Datuk Lim Si Cheng, meneruskan ucapannya bagaimanapun sempat membidas Dr Syed Azman dengan berkata: "Susahlah kalau orang yang tak tau apa-apa ni, bercakap."

Bercakap kepada pemberita

di lobi Parlimen selepas pembentangan itu, Dr Mahathir berkata, RM-8 dan RRJP3 adalah untuk kebaikan rakyat dan beliau yakin majoriti rakyat akan menerimanya.

"Rakyat umumnya akan menerima rancangan pembangunan jangka panjang yang dilaksanakan oleh kerajaan jika tidak dihasut oleh pihak tertentu. Kalau rakyat tidak dihasut, saya percaya rakyat akan terima. Semua ini adalah untuk kebaikan rakyat, tapi akan ada hasutan, akan ada orang melempar fitnah untuk menyuruh rakyat supaya jangan terima, ini cerita lama," katanya.

RM-8 adalah fasa pertama pelaksanaan RRJP3 bagi tempoh 2001-2010. Dasar Wawasan Negara (DWN) yang terkandung dalam RRJP3, akan menentukan arah pembangunan negara dalam dekad pertama abad ke-21.

Rancangan lima tahun itu menggabungkan strategi, program dan projek yang dirancang bagi mencapai matlamat DWN iaitu pertumbuhan mapan dan pengukuhan daya tahan ekonomi serta mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan saksama.

Teras baru dalam RM-8 ialah mengekalkan kestabilan ekonomi makro, membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, meningkatkan pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti, meningkatkan daya saing sektor ekonomi utama serta memperluaskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Empat lagi strategi ialah memperkukuhkan pembangunan sumber tenaga manusia, melaksanakan pendekatan menyeluruh dan bersepadu dalam isu-isu sumber asli dan alam sekitar, meningkatkan lagi

kualiti hidup serta memperkukuhkan nilai-nilai positif dan sifat murni.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka berkembang pada kadar purata 7.5 peratus setahun dengan kadar inflasi rendah sepanjang RM-8, manakala pengangguran dijangka turun kepada 2.7 peratus. Dalam tempoh RM-7, KDNK sebenar mencatat pertumbuhan purata 4.7 peratus setahun, melepasi sasaran yang dikaji semula sebanyak tiga peratus.

Katanya, walaupun kemungkinan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat lembab tahun ini dijangka menjejaskan prestasi eksport dan pertumbuhan ekonomi negara, prospek ekonomi Malaysia dalam jangka sederhana masih baik.

Beliau berkata, kerajaan akan melaksanakan program seperti perumahan untuk menangani masalah kelompok kecil miskin di kalangan isi rumah di bandar dan kawasan pinggirannya, manakala pihak berkuasa tempatan mempergiat program penempatan semula setinggan.

Pada masa sama, kerajaan akan mewujudkan mekanisme menambah pendapatan bagi melindungi pekebun kecil dalam tempoh kejatuhan teruk harga komoditi itu di pasaran dunia, yang antara lain turut memerlukan disiplin dalam pemilihan jenis tanaman.

Dalam bidang pendidikan, lebih banyak tempat akan disediakan kepada pelajar Bumiputera yang berkelayakan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS), terutama dalam kursus sains serta ICT.

Bantuan kewangan yang mencukupi akan diberi kepada Bumiputera bagi menam-

pung yuran yang lebih tinggi di IPTS.

Institut Keusahawanan Negara (IKN) pula akan ditubuh sebagai pusat perancangan strategik mengenai keusahawanan, risikan pasaran, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan kurikulum, rangkaian perniagaan dan kaunseling.

Bagi menggalak penyertaan usahawan Bumiputera dalam ICT, sebuah Majlis ICT Bumiputera akan ditubuh bagi merancang dan merangka agenda ICT Bumiputera.

Dr Mahathir berkata, kapasiti program pendidikan dan latihan berkaitan sains dan teknologi pada peringkat tinggi akan dipertingkatkan untuk mempercepat pencapaian nisbah 60:40 pelajar aliran sains dan sastera. Penyediaan biasiswa lepasan ijazah dan lepasan ijazah kedoktoran akan terus ditambah.

Akta Pekerjaan 1955 pula akan dipinda dengan mengambil kira kaedah kerja yang baru seperti telekerja atau *teleworking*, kerja sambilan dan perkongsian kerja. Pindaan itu akan menggalak penubuhan taman asuhan dan didikan kanak-kanak di kawasan tempat tinggal serta memastikan peluang latihan lebih baik.

Perdana Menteri berkata, pesara yang mempunyai kelayakan dan pengalaman sesuai juga akan dipertimbangkan untuk bekerja semula mengikut keperluan.

"Sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan akan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dalam tempoh RM-8. Kerajaan akan memodenkan sektor pertanian serta meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara," katanya.